

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 28/08/2007

Malaysia akan terus membangun – PM

UM - 28/8/2007

KUALA LUMPUR 27 Ogos – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, Malaysia akan terus membangun walaupun terdapat pengkritik serta penyebar fitnah baik di dalam dan luar negara yang menyatakan negara ini berhadapan dengan masa depan gelap.

Perdana Menteri berkata, pengkritik dan penyebar fitnah itu menyatakan bahawa negara ini tidak cekap, kurang integriti dan tidak bersatu padu.

Katanya, Malaysia telah membuktikan bahawa dakwaan mereka salah dan ia akan terus membangun untuk menjadi sebuah negara maju kerana pengasas-pengasas yang membangunkan Malaysia telah meletakkan asas-asas kukuh.

“Pengasas-pengasas negara ini berpegang teguh kepada asas-asas yang kukuh iaitu kesopanan, belas kasihan, bertimbang rasa, integriti serta semangat dan dedikasi kepada negara.

“Asas-asas inilah yang dipegang oleh Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Ketiga, Tun Hussein Onn serta Timbalan Perdana Menteri Tun Dr. Ismail Abdul Rahman dan ramai lagi yang telah membangunkan negara ini,” katanya ketika berucap merasmikan pelancaran Anugerah Merdeka yang dianjurkan oleh syarikat gerga-

si petroleum Petronas, ExxonMobil dan Shell di sini malam ini.

Ketiga-tiga syarikat petroleum itu menyediakan dana RM50 juta bagi Anugerah Merdeka yang akan dianugerahkan kepada rakyat negara ini yang berjaya mencipta kejayaan.

Perdana Menteri berkata, perjalanan Malaysia masih jauh dan pasti rakyat ini akan berjaya mencapai pelbagai kejayaan seperti menjadi negara maju, memenangi Hadiah Nobel dan mungkin berpeluang memenangi kejohanan bola sepak Piala Dunia.

“Saya yakin generasi akan datang dapat meneruskan asas-asas kukuh yang telah diletakkan oleh pengasas-pengasas negara ini untuk meletakkan Malaysia ke satu tahap baru bagi tempoh 50 tahun akan datang,” katanya.

Abdullah menegaskan, untuk membawa Malaysia ke satu tahap baru terdapat tiga cabaran yang perlu diatasi iaitu perubahan ekonomi, keseimbangan sosioekonomi dan perpaduan kebangsaan.

Ujarnya, Malaysia juga belum mencapai sifar miskin tegar serta perpaduan yang padu kerana masih lagi terdapat rasa tidak percaya di kalangan rakyat.

“Kita mesti pastikan isu-isu ini dapat diselesaikan dan tidak harus membekalkan ia bertapak untuk memusnah-

kan Malaysia yang aman dan damai,” katanya.


Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd. Hassan Merican berkata, Anugerah Merdeka adalah bagi mengiktiraf sumbangan individu dan organisasi kepada negara dinilai mengikut format Hadiah Nobel.

Diasaskan oleh Petronas, Shell dan ExxonMobil, anugerah itu menawarkan hadiah wang tunai sebanyak RM300,000 setiap kategori yang dijana daripada tabung amanah berjumlah RM50 juta sumbangan ketiga-tiga syarikat minyak gergasi itu.

Kategori-kategori itu adalah pendidikan dan komuniti, kesihatan, sains dan teknologi, alam sekitar, pencapaian cemerlang akademik dan sumbangan cemerlang kepada rakyat Malaysia.

Anugerah itu berbeza daripada anugerah-anugerah sambutan kemerdekaan yang lain kerana ia akan diadakan setiap tahun.

“Kami mahu anugerah ini menjadi berprestij dan terkenal di persada antarabangsa agar menjadi penanda aras dan penggalak kepada warga Malaysia yang lain,” katanya pada sidang akhbar Anugerah Merdeka di sini hari ini yang turut dihadiri Pengerusi Subsidiari ExxonMobil di Malaysia, Liam Mallon dan Pengerusi Shell Malaysia, Datuk Saw Choo Boon.



ABDULLAH Ahmad Badawi meletakkan tangan pada skrin sebagai tanda pelancaran rasmi Merdeka Award sambil diperhatikan oleh **Mohd. Hassan Merican** (kiri), **Liam Mallon** (kanan) dan **Saw Choo Boon** di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, malam tadi.